



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**HUBUNGAN ANTARA KEINGINAN PENCAPAIAN, LOKUS
KAWALAN, PENGAMBILAN RISIKO, DAN JARINGAN SOSIAL
DENGAN KEJAYAAN USAHAWAN AMANAH IKHTIAR MALAYSIA DI
KELANTAN**

SURAI DI SALLEH.

FPP 2005 16



**HUBUNGAN ANTARA KEINGINAN PENCAPAIAN, LOKUS KAWALAN,
PENGAMBILAN RISIKO, DAN JARINGAN SOSIAL DENGAN
KEJAYAAN USAHAWAN AMANAH IKHTIAR MALAYSIA
DI KELANTAN**

SURAI DI SALLEH

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
2005**



**HUBUNGAN ANTARA KEINGINAN PENCAPAIAN, LOKUS KAWALAN,
PENGAMBILAN RISIKO, DAN JARINGAN SOSIAL DENGAN
KEJAYAAN USAHAWAN AMANAH IKHTIAR MALAYSIA
DI KELANTAN**

Oleh

SURAI DI SALLEH

**Tesis Ini DiKemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sains**

April 2005



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**HUBUNGAN ANTARA KEINGINAN PENCAPAIAN, LOKUS KAWALAN,
PENGAMBILAN RISIKO, DAN JARINGAN SOSIAL DENGAN
KEJAYAAN KEUSAHAWANAN USAHAWAN AMANAH
IKHTIAR MALAYSIA DI KELANTAN**

Oleh

SURAIIDI SALLEH

April 2005

Pengerusi : Profesor Madya Ab Rahim Bakar, PhD

Fakulti : Fakulti Pengajian Pendidikan

Tujuan utama kajian ini ialah untuk menentukan hubungan antara kejayaan usahawan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dengan keinginan pencapaian, lokus kawalan, pengambilan risiko dan jaringan sosial. Sampel kajian adalah terdiri daripada 350 orang usahawan mikro kredit Amanah Ikhtiar Malaysia. Sampel telah dipilih secara rawak berlapis daripada 1016 orang usahawan AIM yang terdapat di negeri Kelantan. Kajian ini merupakan kajian deskriptif jenis korelasi. Data diperoleh dengan menggunakan soal selidik yang mengandungi soalan berkaitan maklumat demografi, kejayaan usahawan, soalan mengenai keinginan pencapaian, lokus kawalan, pengambilan risiko dan jaringan sosial. Keinginan pencapaian diukur menggunakan soal selidik yang diadaptasi daripada soal selidik *Manifest Need Questionnaire* (Steer dan Braunstein, 1976), lokus kawalan diukur menggunakan soal selidik *Rotter's Locus of Control Scale* (Rotter, 1966) dan pengambilan risiko diukur menggunakan soal selidik pengambilan risiko (Institut

Industri Kecil Asia, 1981). Jaringan sosial dan kejayaan usahawan diukur menggunakan instrumen yang dibentuk sendiri oleh penyelidik.

Hasil kajian menunjukkan majoriti usahawan AIM adalah terdiri daripada wanita (92.6%) yang berumur antara 40 hingga 50 tahun. Secara keseluruhan sampel kajian adalah berpendidikan rendah iaitu setakat sekolah rendah dan menengah rendah (78.0%). Sampel kajian menjalankan perniagaan dalam bidang perniagaan makanan, pakaian, perusahaan (pemprosesan makanan dan ubat tradisional), borong (perabot dan peralatan elektrik), perkhidmatan (kelas Al-Quran, kontraktor, dan bengkel) dan pertanian. Sebahagian besar menjalankan perniagaan berbentuk peruncitan (24.6%). Min pendapatan usahawan AIM adalah RM 1629.14 sebulan (S.P.=RM 1460.16). Secara keseluruhannya usahawan AIM boleh dikategorikan sebagai usahawan sederhana berjaya. Sebahagian besar usahawan mempunyai tahap yang sederhana dari segi keinginan pencapaian (Min=3.74,S.P=.49), lokus kawalan (Min=3.64,S.P=.63), pengambilan risiko (Min=3.32,S.P=.61) dan jaringan sosial (Min=2.64,S.P=.69). Kajian ini telah dapat menentukan satu hubungan yang signifikan daripada empat pembolehubah yang dikaji. Kajian menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan di antara kejayaan usahawan dengan jaringan sosial ($\chi^2(4,350)=23.711, r= .21, p<.05$). Kajian tidak menunjukkan terdapatnya hubungan antara kejayaan usahawan dengan taraf pendidikan ($\chi^2(6,350)=4.338, p>.05$), keinginan pencapaian ($\chi^2(4,350)=.252, p>.05$), lokus kawalan ($\chi^2(4,350)=1.507, p>.05$) dan tahap pengambilan risiko ($\chi^2(4,350)=6.436, p>.05$).

Implikasi dapatan kajian, usahawan AIM perlu aktif dalam jaringan sosial supaya mereka dapat menggunakan sepenuhnya kemudahan atau opsyen yang disediakan

oleh pihak berkuasa untuk mendapatkan sumber, maklumat dan serta pemindahan teknologi daripada rakan jaringan.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment
of the requirement for the degree of Master of Science

**THE RELATIONSHIP BETWEEN NEED FOR ACHIEVEMENT, LOCUS
OF CONTROL, RISK TAKING, SOCIAL NETWORKING, AND
ENTREPRENEURIAL SUCCESS OF AMANAH IKHTIAR
MALAYSIA ENTREPRENEURS IN KELANTAN**

By

SURAI DI SALLEH

April 2005

Chairman : Associate Professor Ab Rahim Bakar, PhD

Faculty : Educational Studies

The main purpose of this study is to determine the relationship between the entrepreneur' success of Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) and the need for achievement, locus of control, risk-taking and social networking. The sample of the research consists of 350 microcredits entrepreneurs of AIM. The sample has been randomly chosen stratified procedure from 1016 AIM entrepreneurs in Kelantan. This research is a descriptive study which forms correlation. Data is acquired by using self-administered questionnaires which contain questions relating to demographics information, success of entrepreneurs and questions concerning the need for achievement, locus of control, risk-taking and social networking. The need for achievement is measured by utilizing self-administered questionnaire adapted from the *Manifest Need Questionnaire* (Steer and Braunstein, 1976). Meanwhile, locus of control is measured through questionnaires picked from *Rotter's Locus of Control Scale* (Rotter, 1966) and risk-taking is measured using risk-taking



questionnaire (Small Industry Institute of Asia, 1981). Social networking and entrepreneurial success are measured using instruments developed by the researcher.

The results of this study show that the majority of the AIM entrepreneurs are female (92.6%) who are between the age of 41 to 51 years old. In general, the majority of the respondent were educated at the primary school and lower secondary school level (78.0%). They are involved in businesses involving food services, textile, food processing industry, and traditional medicine industry. They also carry out wholesale businesses selling furniture and electrical equipments; provide services for Al-Quran reading classes, deal with contractor of buildings, workshop and produce agricultural products for sale. Most of them carry out businesses which form retailing business (24.6%). The average of the AIM entrepreneur's monthly income is RM 1629.14. The AIM entrepreneurs can be categorized as being moderately successful entrepreneurs. Most of the entrepreneurs have moderate levels in the aspects of the need for achievement (Mean=3.74, S.D=.49), locus of control (Mean=3.64, S.D=.63), risk-taking (Mean=3.32, S.D=.61), and social networking (Mean=2.64, S.D=.69). The study shows that there is a significant relationship between entrepreneurial success and social networking ($\chi^2(4,350)=23.711$, $r = .21$, $p<.05$). However, the relationship between entrepreneurial success and the level of education ($\chi^2(6,350)=4.338$, $p>.05$), the need for achievement ($\chi^2(4,350)=.252$, $p>.05$), locus of control ($\chi^2(4,350)=1.507$, $p>.05$) and risk-taking ($\chi^2(4,350)=6.436$, $p>.05$) are not significant.

The implication of this study shows that the AIM entrepreneurs have to be active in social networking in order to utilize fully facilities and options provided by the

authority. This is highly necessary for them to acquire sources, information and even technological transfer from the entrepreneurs' network.



PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada Prof. Madya Dr. Ab Rahim Bakar, selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan seterusnya Ahli Jawatankuasa Penyeliaan iaitu Prof. Madya Dr. Zakaria Abd. Rahman dan Dr. Suhaida Abd. Kadir yang banyak memberi bimbingan serta tunjuk ajar semasa menyempurnakan penyelidikan ini. Melalui kajian ini saya telah mendapat banyak manfaat daripada Prof. Madya Dr. Ab Rahim Bakar khususnya mengajar saya menjadi seorang yang matang dalam menjalankan penyelidikan dan membuat keputusan. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Zakaria Abd. Rahman dan Dr. Suhaida Abd. Kadir yang sentiasa memberi galakan dan bimbingan sehingga tesis ini berjaya disiapkan.

Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang telah memberi kerjasama dalam menjayakan penyelidikan ini seperti Professor John E. Butler (Hong Kong Polytechnic University), Elizabeth Potts (Taylor & Francis, UK), Professor Mahfooz A. Ansari (USM), Prof. Madya Dr. Abu Bakar Hamed dan Prof. Madya Dr. Rosli Mahmood (UUM), Professor Robert H. Brockhaus (Jefferson Smurfit Center for Entrepreneurship Studies, Saint Louis University), V. Harper (Journal Rights & Permission, Blackwell Publishing), Professor Veronique Schutjens (Faculteit Ruimtelijke Wetenschappen, University Utrecht, Netherland), Professor Maimunah Ismail (JPPL, UPM), Professor Zaidatul Akmaliah Lope Pihie (FPP, UPM), Prof. Madya Dr. Jariah Masud dan Prof. Madya Dr. Laili Paim (FEM, UPM), Profesor Rahmah Ismail (UKM), Pn. Alwani Shafiee (CMCTRD, AIM Taiping), En. Mahadi Idris (Pengurus Wilayah Kelantan), PC dan



PPC, PA, pelatih AIM tahun 2004 seluruh negeri Kelantan dan tidak lupa kepada seluruh sahabat AIM di negeri Kelantan. Jasa dan budi baik yang kalian berikan kepada saya tidak akan dilupakan.

Seterusnya kepada sahabat karib saya iaitu Sdr. Danaraja a/l Narayasamy dan Sdr. Rafi Ishak yang sering meluang banyak masa menggarap fikiran, berbincang serta membantu dalam proses menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga kepada Nurhilal Ahmad Ramli dan Muhaiza Laina Mokhtar yang memahami dan tidak jemu-jemu memberi dorongan dan sokongan sehingga hari terakhir menjelang peperiksaan akhir.

Saya amat terhutang budi pada kedua ibu bapa saya yang tercinta iaitu Pn. Hanisah Daud dan En. Salleh Ali yang selama sentiasa mendoakan, memberi sokongan moral dan kewangan selama ini. Saya tidak ada orang lain di dunia ini melainkan kalian berdua. Kesempatan ini juga diambil untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Adik tersayang Sukarni Salleh dan Suhaimi Salleh, abang doakan semoga kalian berjaya dalam hidup di hari muka, insyaAllah.

Suraidi Salleh
FPP
Universiti Putra Malaysia
April 2005



JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	ix
PENGAKUAN	xi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
BAB	
I	1
PENGENALAN	1
Latar Belakang Kajian	1
Pendekatan Teori	6
Pernyataan Masalah	7
Objektif Kajian	10
Persoalan Kajian	11
Kepentingan Kajian	12
Limitasi Kajian	14
Definisi Operasional	16
Rumusan	18
II	19
SOROTAN LITERATUR	19
Amanah Ikhtiar Malaysia	19
Rangka Konsep Kajian	25
Kejayaan Usahawan	27
Faktor Kejayaan Usahawan	29
Keinginan Pencapaian dan Keusahawanan	32
Keinginan Pencapaian	32
Hubungan Keinginan Pencapaian dan Kejayaan Usahawan	34
Kajian Hubungan Keinginan Pencapaian dan Kejayaan Usahawan	38
Lokus Kawalan dan Keusahawanan	41
Lokus Kawalan	41
Hubungan Lokus Kawalan dan Kejayaan Usahawan	44
Kajian Hubungan Lokus Kawalan dan Kejayaan Usahawan	47
Pengambilan Risiko dan Keusahawanan	50
Pengambilan Risiko	50
Hubungan Pengambilan Risiko dan Kejayaan Usahawan	52
Kajian Hubungan Pengambilan Risiko dan Kejayaan Usahawan	55
Jaringan Sosial dan Keusahawanan	58
Jaringan sosial	58
Bentuk Jaringan Sosial	60
Hubungan Jaringan Sosial dan Kejayaan Usahawan	62
Kajian Hubungan Jaringan Sosial dan Kejayaan Usahawan	65



	Rumusan	67
III	METODOLOGI	69
	Rekabentuk Kajian	69
	Tempat Kajian	69
	Populasi kajian	70
	Persampelan	70
	Kaedah Persampelan	72
	Instrumentasi	73
	Kesahan Instrumen	77
	Pengukuran Pembolehubah Kajian	78
	Kajian Rintis	82
	Kebolehpercayaan Instrumen	82
	Tatacara Kajian	83
	Penganalisan Data Statistik	85
	Rumusan	87
IV	DAPATAN KAJIAN	88
	Latar Belakang Usahawan Amanah Ikhtiar Malaysia	88
	Persepsi Usahawan Terhadap Kejayaan yang dicapai Hasil Perniagaan di bawah Program Mikro Kredit Amanah Ikhtiar Malaysia	93
	Tahap Keinginan Pencapaian, Lokus Kawalan, Pengambilan Risiko, Jaringan Sosial, dan Kejayaan Usahawan	97
	Hubungan Taraf Pendidikan dan Tahap Kejayaan Usahawan	100
	Hubungan Tahap Keinginan Pencapaian dan Tahap Kejayaan Usahawan	102
	Hubungan Tahap Lokus Kawalan dan Tahap Kejayaan Usahawan	106
	Hubungan Tahap Pengambilan Risiko dan Tahap Kejayaan Usahawan	110
	Hubungan Tahap Jaringan Sosial dan Tahap Kejayaan Usahawan	114
	Rumusan	121
V	RINGKASAN, PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	123
	Ringkasan Pernyataan Masalah	123
	Objektif Kajian	123
	Persoalan Kajian	125
	Metodologi Kajian	126
	Ringkasan Hasil Kajian	126
	Perbincangan Hasil Kajian	130
	Kesimpulan Kajian	151
	Implikasi Kajian	153
	Cadangan kepada Usahawan dan Amanah Ikhtiar Malaysia	155
	Cadangan untuk Kajian akan Datang	156
	Rumusan	157
	RUJUKAN	158
	LAMPIRAN	172
	BIODATA PENULIS	191



SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Taburan usahawan Amanah Ikhtiar Malaysia	24
2	Nilai kebolehpercayaan instrumen	83
3	Taburan usahawan mengikut jantina	88
4	Taburan umur usahawan	89
5	Taburan taraf pendidikan usahawan	90
6	Taburan taraf perkahwinan usahawan	90
7	Taburan usahawan mengikut skim pinjaman	91
8	Taburan usahawan mengikut bidang perniagaan	91
9	Pendapatan bersih usahawan dan kategori perniagaan	93
10	Tahap kejayaan dan pencapaian usahawan	96
11	Tahap keinginan pencapaian, lokus kawalan, pengambilan risiko, jaringan sosial dan kejayaan usahawan	100
12	Analisis jadual silang dan ujian khi kuasa dua taraf pendidikan dan tahap kejayaan usahawan	102
13	Analisis keinginan pencapaian	103
14	Min dan sisihan piawai keinginan pencapaian	104
15	Analisis jadual silang dan ujian khi kuasa dua tahap keinginan pencapaian dan tahap kejayaan usahawan	106
16	Analisis lokus kawalan	107
17	Min dan sisihan piawai lokus kawalan	107
18	Analisis jadual silang dan ujian khi kuasa dua tahap lokus kawalan dan tahap kejayaan usahawan	109
19	Analisis pengambilan risiko	111
20	Min dan sisihan piawai pengambilan risiko	111



21	Analisis jadual silang dan ujian khi kuasa dua tahap pengambilan tahap pengambilan risiko dan tahap kejayaan usahawan	113
22	Analisis perbincangan usahawan	115
23	Min dan sisihan piawai perbincangan usahawan	115
24	Analisis penyertaan usahawan	116
25	Min dan sisihan piawai penyertaan usahawan	117
26	Analisis perhubungan usahawan	118
27	Min dan sisihan piawai perhubungan usahawan	119
28	Analisis jadual silang dan ujian khi kuasa dua tahap jaringan sosial dan tahap kejayaan usahawan	121



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Rangka konsep kajian	68
2	Langkah pemilihan sampel	73

SENARAI SINGKATAN

AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
ASB	Amanah Saham Bumiputera
CMCTRD	Centre for Micro Credit Training Research & Development
DEB	Dasar Ekonomi Baru
IKS	Industri Kecil dan Sederhana
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KESEDAR	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan
KPU	Kementerian Pembangunan Usahawan
KPLB	Kementerian Pembangunan Luar Bandar
MPPB	Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera
NGOs	Badan Bukan Kerajaan
RISDA	Lembaga Kemajuan Pekebun Kecil Industri Getah
M	Min
MARA	Majlis Amanah Rakyat
M.s	Muka Surat
PUNB	Perbadanan Usahawan Nasional Berhad
SERU	Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi Jabatan Perdana Menteri
S.P.	Sisihan Piawai
Sahabat	Panggilan Pihak AIM Terhadap Peminjam Para Peminjam
SPI	Skim Pinjaman Ikhtiar
SPI 2	Skim Pinjaman Ikhtiar 2
SPI 3	Skim Pinjaman Ikhtiar 3
SPSS	Statistical Package for Social Science



BAB I

PENGENALAN

Bab ini menerangkan latar belakang kajian, pendekatan teori, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, limitasi kajian dan definisi operasional kajian.

Latar Belakang Kajian

Wawasan 2020 merupakan formula pembangunan sosioekonomi negara yang ingin dicapai dalam masa tiga puluh tahun (1991-2020). Melalui wawasan 2020 kerajaan mensasarkan Malaysia akan mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020. Malaysia bukan sahaja maju sebagai sebuah negara industri tetapi ianya tidak merangkumi pembangunan ekonomi sahaja tetapi pembangunan semua aspek seperti politik, sosial, budaya, kerohanian dan sebagainya. Bagaimanapun, Zahid (2001) menegaskan bahawa jika sekiranya pertumbuhan ekonomi yang pesat tetapi ianya tidak diagihkan secara sama rata tidak akan menjamin negara mencapai taraf negara maju. Hakikat inilah menyebabkan negara perlu mencapai kesamarataan agihan sumber kekayaan negara yang adil dan pembangunan sosioekonomi supaya Wawasan 2020 tercapai dalam masa tiga puluh tahun.

Kerajaan memperkenalkan Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000) dan Rancangan Malaysia Keenam dan Ketujuh sebagai langkah pertama bagi memastikan Wawasan 2020 tercapai. Melalui beberapa dasar yang diperkenalkan tersebut perkara utama yang diberi penekanan ialah strategi pembasmian kemiskinan

di kalangan golongan termiskin (Ma'rof, 2001). Kemiskinan merupakan salah satu isu yang perlu diberi tumpuan utama dalam agenda pembangunan negara. Tuan Pah Rokiah dan Hamidi (2002) menegaskan bahawa bagi mencapai taraf negara maju sesebuah negara mestilah terlebih dahulu mencapai pembangunan ekonomi. Perkara yang paling penting yang harus dibasmi ialah masalah kemiskinan di kalangan penduduk terutamanya penduduk luar bandar. Masalah kemiskinan yang dihadapi penduduk secara langsung menyumbang kepada kedaifan, kemunduran, ketidakseimbangan agihan ekonomi, wujudnya masalah sosial, pendidikan dan kesejahteraan yang seterusnya akan membantut proses pembangunan negara (Tuan Pah Rokiah dan Hamidi, 2002).

Kemiskinan penduduk turut dihadapi oleh Malaysia. Laporan Rancangan Malaysia Kelima (RM Ke-5) menunjukkan bahawa pada tahun 1970 sebanyak 49.3 peratus dengan 791,000 isirumah yang menghadapi masalah kemiskinan. Sementara kadar kemiskinan pada tahun 1984 ialah sebanyak 18.4 peratus dengan 483,300 isi rumah miskin. Walaupun kadar kemiskinan menunjukkan penurunan namun fenomena kemiskinan luar bandar berlaku secara serius berbanding dengan kemiskinan bandar (Chamhuri, 1992). Laporan Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7) (1996-2000) masih menunjukkan kadar kemiskinan luar bandar adalah lebih tinggi iaitu sebanyak 10.3 peratus berbanding dengan kadar kemiskinan bandar iaitu 2.2 peratus (Malaysia, 1996).

Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan RMK-7 (1996-2000) menggariskan pelbagai usaha serta pendekatan yang perlu diambil bagi membasmi masalah kemiskinan terutamanya kemiskinan penduduk luar bandar. Kerajaan melalui beberapa

Kementerian dan agensi sokongan seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Kementerian Pertanian, Kementerian Pembangunan Masyarakat, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Getah (RISDA), Lembaga Pertubuhan Peladang, Jabatan Pertanian dan sebagainya diberi tanggungjawab membangun masyarakat luar bandar melalui pelbagai bentuk program pembangunan.

Bagi memastikan matlamat pembasmian kemiskinan tercapai, kerajaan turut menyediakan peruntukan kewangan yang banyak melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan RMK-7 bagi mengurangkan masalah kemiskinan. Dalam tempoh pelaksanaan DEB sebanyak RM 32.9 bilion telah dibelanjakan bagi tujuan membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar. Jumlah perbelanjaan yang banyak ini telah digunakan dalam pelbagai projek pembangunan seperti menyediakan kemudahan infrastruktur, pembangunan ekonomi, kredit, pertanian, pendidikan, kesihatan dan sebagainya (SERU, 1991 dalam Mohamad Zaini, 2002). Peruntukkan turut disediakan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Sebanyak RM 187.54 bilion diperuntukkan bagi program rakyat termiskin dan RM 181.54 bilion untuk pelbagai projek pembangunan (Kementerian Pembangunan Luar Bandar, 1999). Penyediaan peruntukkan kewangan yang begitu besar oleh kerajaan bertujuan membasmi kemiskinan di kalangan penduduk luar bandar yang agak tersisih dan dikatakan tidak menerima sebarang faedah dalam proses pembangunan (Chamhuri, 1992).

Pertubuhan bukan kerajaan di Malaysia juga tidak ketinggalan menyediakan program khusus dalam usaha membasmi kemiskinan masyarakat luar bandar. Salah satu badan bukan kerajaan yang berjaya membantu golongan ini keluar daripada garis kemiskinan ialah Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), AIM pada umumnya telah berjaya membantu 80.0 peratus peminjamnya keluar daripada masalah kemiskinan (Rahmah, 1996). AIM melalui program pinjaman mikro Kredit yang diwujudkan telah membantu masyarakat luar bandar mencapai kesejahteraan hidup dari segi pembangunan ekonomi keluarga dan pembangunan sosial (Askiah, 2002). Skim Pinjaman perniagaan di bawah AIM yang dibuat oleh peminjam adalah bertujuan menjana aktiviti ekonomi sahaja. Peminjam kemudian menggunakan wang pinjaman bagi menjalankan pelbagai bentuk perniagaan atau perusahaan yang akan mendatangkan keuntungan dan seterusnya akan meningkatkan taraf hidup keluarga mereka.

Komitmen AIM dalam membasmi masalah kemiskinan masyarakat luar bandar amat membanggakan dengan jumlah cawangannya di seluruh negara semakin meningkat. Bermula dengan sebuah cawangan di Barat Laut Selangor dan kini cawangan AIM telah berkembang kepada 45 buah di seluruh Malaysia. Dilaporkan sehingga Disember 1999, AIM mempunyai bilangan ahli atau peminjam seramai 59,716 orang dengan jumlah pinjaman yang dikeluarkan sebanyak RM 336.32 bilion untuk menjana ekonomi ahlinya dalam pelbagai bentuk perniagaan.

Ahli AIM melibatkan diri dalam pelbagai bentuk kegiatan ekonomi. Sebanyak 52.0 peratus ahli AIM menggunakan pinjaman telah menjalankan perniagaan, 11.0 peratus menjalankan kegiatan penternakan, dua peratus dalam sektor perikanan dan

10.0 peratus menjalankan lain-lain kegiatan ekonomi (Amanah Ikhtiar Malaysia, 1992; 1996). Hasil daripada penjanaan aktiviti ekonomi menyebabkan para usahawan berjaya membayar balik pinjaman dengan kadar tertinggi iaitu 99.0 peratus dan jumlah simpanan tabungan kalangan ahli telah mencapai RM 378.0 bilion (Amanah Ikhtiar Malaysia, 1999).

Kebanyakan perniagaan yang disokong oleh AIM telah berjaya dan dapat dilihat dari segi peningkatan pendapatan isirumah usahawan dan kadar bayar balik pinjaman yang tinggi (Habrizah, 2000). Skim Pinjaman Ikhtiar (SPI) yang diperkenalkan oleh AIM telah berjaya melahirkan ramai usahawan luar bandar terutamanya usahawan wanita dalam perusahaan mikro (Jarrah dan Laily, 1995). Kajian yang dibuat oleh Jimenez (1990) menunjukkan kalangan usahawan AIM telah berjaya meningkatkan purata pendapatan bulanan mereka sebanyak RM 246.00 sebulan sementara kajian Mohd Zaini (1995) pula mendapati pendapatan usahawan telah meningkat sebanyak RM 152.00. Peningkatan pendapatan usahawan melalui Skim Pinjaman Ikhtiar sekaligus membolehkan usahawan melepasi garis kemiskinan. Dilaporkan terdapat sebanyak 82.0 peratus daripada usahawan telah melepasi garis kemiskinan AIM yang ditetapkan pada RM 250.00 sementara 22.0 peratus lagi ialah usahawan yang telah melepasi garis kemiskinan nasional iaitu RM 375.00 (Zaidan, 2000).

Md. Zyadi (1996) menegaskan bahawa penyediaan kemudahan asas dalam usaha membasmi masalah kemiskinan telah memberi sumbangan positif kepada pertumbuhan ekonomi dan pengurangan kadar kemiskinan luar bandar. Dalam konteks ini, kemudahan yang disediakan oleh kerajaan melalui AIM dimanfaatkan